

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) adalah salah satu peneraju universiti swasta di Malaysia yang beroperasi di Kampus Putrajaya dan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS), Muadzam Shah, Pahang. UNITEN komited dalam menawarkan program akademik dan program latihan professional yang berkualiti tinggi.



The Energy University

Seiring dengan perkembangan UNITEN, kami ingin mempelawa calon-calon yang berkelayakan, bermotivasi tinggi dan dinamik untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan :-

JURUTEKNIK TINGKATAN BIASA

Syarat Kelayakan :

- Warganegara Malaysia.
- Umur tidak melebihi 30 tahun.
- Memiliki sijil **SPM** dengan lulus 6 mata pelajaran termasuk kepujian dalam subjek Bahasa Melayu serta lulus dalam subjek Bahasa Inggeris dan Matematik.
- Sekurang-kurangnya memiliki **Diploma berkaitan** (Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan / Kesihatan Persekitaran) atau lain-lain bidang yang bersesuaian dan berkaitan dari Institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan (CGPA > 2.50) atau;
- **SVM** dengan kepujian dalam Bahasa Melayu 1104, (CGPA Akademik > 2.50), (CGPA Vokasional > 2.67) dan SKM Tahap 3.
- Memiliki Sijil Kompetensi *Site Safety Supervisor (3S) / OSH Coordinator* merupakan satu kelebihan.
- Sihat tubuh badan, tiada penyakit kronik dan tidak rabun warna.
- Mahir dalam penggunaan asas komputer dan teknikal.
- Mahir dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (lisan & penulisan).
- Kemahiran komunikasi, penyusunan kerja, pengurusan masa dan interpersonal yang baik.
- Memiliki lesen memandu yang sah dan mempunyai kenderaan sendiri, adalah satu kelebihan.

Tanggungjawab:

- Melaksanakan pemeriksaan pematuhan alam sekitar, HSE dan peraturan di fasiliti, makmal serta kawasan operasi.
- Memantau aspek alam sekitar seperti pengurusan sisa, pelepasan, bunyi dan amalan housekeeping.
- Mengurus pematuhan bahan kimia termasuk penyimpanan, pelabelan, SDS, inventori dan pelupusan.
- Mengenal pasti ketidakpatuhan serta menyokong tindakan pembetulan dan pencegahan.
- Menyokong penyediaan laporan pematuhan, audit dalaman/luaran dan keperluan perundangan.
- Melaksanakan pemeriksaan Sistem Pengurusan HSE bagi memastikan pematuhan kepada polisi, SOP dan standard.
- Menyokong audit HSE, penilaian jurang serta pemantauan prestasi dan trend HSE.
- Membantu pelaksanaan latihan, program kesedaran, toolbox talk dan aktiviti kelestarian.
- Menyelaras dan menyelenggara rekod latihan, pemeriksaan, audit dan dokumentasi berkaitan.
- Memastikan kesiapsiagaan kecemasan melalui pemeriksaan ERP, peralatan keselamatan dan penyertaan dalam latihan kecemasan (drill).
- Membantu siasatan insiden termasuk tumpahan bahan kimia, pendedahan dan near-miss.
- Memberi sokongan teknikal dalam audit, semakan pengurusan dan inisiatif penambahbaikan berterusan.
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan serta mematuhi keperluan OSHA 1994.

Penempatan :

- KAMPUS PUTRAJAYA
- Universiti Tenaga Nasional
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 Kajang, Selangor

Tempoh iklan :

09 April 2026 sehingga 20 April 2026

Cara memohon :

- Permohonan hendaklah disertakan dengan Borang – UNITEN 188C, Resume/CV, salinan-salinan sijil akademik, salinan sijil latihan dan penglibatan serta dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan. Permohonan yang lengkap boleh dihantar melalui e-mail ke hr@uniten.edu.my :-

**PENGARAH
PEOPLE EXPERIENCE DEPARTMENT
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL
JALAN IKRAM-UNITEN, 43000 KAJANG, SELANGOR
E-mel : hr@uniten.edu.my**

- Borang – UNITEN 188C boleh didapati di <https://www.uniten.edu.my/about/job-opportunities/>

Dengan mengemukakan permohonan, anda telah bersetuju dan memberi kebenaran kepada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan/atau UNITEN R&D Sdn. Bhd. (URND) untuk mengumpul, memproses, merekod, menyimpan dan/atau mendedahkan data peribadi dan data peribadi sensitif selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA).

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada People Experience Department (PXD), UNITEN sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh tutup iklan. Permohonan yang tidak lengkap serta yang diterima selepas tarikh tutup iklan tidak akan diproses.

Sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang makluman dalam tempoh 60 hari dari tarikh iklan ditutup, tuan/puan adalah tidak disenarai pendek untuk jawatan yang dipohon. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.

Creative, Innovative & Energetic

“UNITEN MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH”